

SULIT



BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JABATAN PENGAJIAN AM

PEPERIKSAAN AKHIR
SESI JUN 2015

DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA

TARIKH : 19 OKTOBER 2015
MASA : 8.30 AM – 9.30 AM (1 JAM)

Kertas ini mengandungi DUA BELAS (12) halaman bercetak.


Bahagian A: Objektif (40 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT



ARAHAN:

Bahagian ini mengandungi **EMPAT PULUH (40)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- CLO1 C2 1. Selama lebih kurang 446 tahun, Tanah Melayu telah dijajah oleh beberapa kuasa imperialis. Berikut adalah kuasa imperialisme yang pernah menjajah Tanah Melayu **KECUALI**
- Jepun
 - Inggeris
 - Portugis
 - Sepanyol
- CLO1 C2 2. Apakah mahkamah yang paling tinggi di Malaysia?
- Mahkamah Khas.
 - Mahkamah Agung.
 - Mahkamah Tinggi.
 - Mahkamah Rayuan.
- CLO1 C2 3. Badan bebas dan berkecuali yang mengurus dan mendaftar proses pilihanraya ialah _____.
- Pihak Berkuasa Pilihan raya
 - Suruhanjaya Pilihan raya
 - Lembaga Pilihan raya
 - Majlis Pilihan raya
- CLO1 C2 4. Yang Di-Pertuan Agong dipilih oleh _____.
- Perdana Menteri
 - Jemaah Menteri
 - Majlis Raja-raja
 - Parlimen

- CLO1 5. Dasar-dasar kerajaan Persekutuan yang telah diwartakan telah melalui beberapa peringkat. Berikut adalah senarai komponen untuk setiap peringkat tersebut.
- C2
- i. Dewan Rakyat
ii. Dewan Negara
iii. Yang Di-Pertuan Agong
iv. Dewan Undangan Negeri
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
- CLO1 6. Antara faktor berikut, yang manakah mempengaruhi kejatuhan kerajaan Melayu Melaka?
- C2
- i. Kejatuhan ekonomi kerajaan ekoran pelabuhan Melaka yang tidak dikunjungi pedagang-pedagang asing.
ii. Kelemahan pucuk pimpinan dan pembesar-pembesar tempatan.
iii. Kurangnya perpaduan rakyat.
iv. Pegangan agama yang lemah.
- A. i, ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i, ii dan iv
D. i, ii, iii dan iv
- CLO1 7. Suruhanjaya yang terbabit dalam meninjau pendapat masyarakat Sabah dan Sarawak terhadap penubuhan Malaysia adalah Suruhanjaya _____.
- C2
- A. Reid
B. Edward
C. Cobbold
D. Swettenham
- CLO 1 8. Patma berumur 30 tahun dan telah dilantik menjadi ahli di dalam Parlimen walaupun tidak bertanding semasa Pilihanraya Umum. Apakah gelaran khas untuk Patma berdasarkan keahliannya?
- C2
- A. Yang Berhormat
B. Datuk Sri
C. Senator
D. Dato

- CLO2
C2 9. Antara berikut, yang manakah merupakan Undang-undang Bertulis di Malaysia?
- i. Undang-undang Adat
 - ii. Perlembagaan Persekutuan
 - iii. Keputusan-keputusan mahkamah
 - iv. Enakmen/ Ordinan
- A. i dan iii
- B. ii dan iii
- C. ii dan iv
- D. ii, iii dan iv
- CLO2
C2 10. Dalam Perlembagaan Malaysia, terdapat perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri melalui peruntukan senarai bersama, iaitu _____.
- A. Kewarganegaraan
 - B. Keselamatan Dalam Negara
 - C. Undang-Undang Sivil dan Jenayah
 - D. Bantuan Biasiswa
- CLO2
C2 11. Pernyataan yang manakah tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan?
- A. Kewarganegaraan
 - B. Pertahanan
 - C. Mahkamah Syariah
 - D. Keselamatan Dalam Negeri
- CLO2
C2 12. Apakah yang akan berlaku sekiranya terdapat percanggahan antara Perlembagaan Negeri dengan undang-undang Persekutuan?
- A. Undang-undang Negeri akan terbatal.
 - B. Undang-undang Persekutuan akan terbatal.
 - C. Kedua undang-undang akan terbatal dan perlu digubal semula.
 - D. Undang-undang Persekutuan akan dipakai, manakala undang-undang Negeri akan terbatal setakat yang bercanggah sahaja.
- CLO2
C2 13. Berikut adalah bahagian-bahagian dalam pemerintahan yang tersenarai dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia **KECUALI**
- A. Badan Pemerintahan
 - B. Badan Perundangan
 - C. Badan Eksekutif
 - D. Badan Kehakiman

- CLO2 14. Sebarang pindaan terhadap perkara yang melibatkan hak keistimewaan orang Melayu memerlukan _____.
- C2
- A. Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen.
B. Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen dan mendapat keizinan Sultan/Yang Dipertua Negeri.
C. Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen dan mendapat keizinan Majlis Raja-Raja.
D. Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen dan mendapat perkenan dari YDPA.
- CLO2 15. Antara berikut, yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai sistem demokrasi berparlimen di Malaysia?
- C2
- A. Rakyat yang menentukan tumpuk pemerintahan melalui pilihan raya.
B. Rakyat tidak dibenarkan membantah dasar-dasar kerajaan.
C. Kritikan terhadap dasar-dasar kerajaan boleh disuarakan dalam sidang Parlimen.
D. Pembentukan atau pemilihan kerajaan dibuat berdasarkan suara majoriti.
- CLO2 16. Apakah majlis yang menasihati raja mengenai hal yang berkaitan dengan agama Islam?
- C2
- A. Majlis Raja-raja
B. Majlis Agama Islam
C. Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam
D. Majlis Adat Istiadat Melayu
- CLO2 17. Seseorang itu tidak boleh dilucutkan kewarganegaraannya atas sebab berikut, iaitu _____.
- C2
- A. Seseorang yang mendapat warganegara secara pendaftaran dan dihukum penjara selama 12 bulan dan denda RM500 tanpa mendapat pengampunan.
B. Seseorang yang tinggal di negara asing melebihi lima tahun secara berterusan.
C. Seseorang yang berkahwin dengan warganegara asing.
D. Menderhaka / tidak taat kepada Negara.
- CLO2 18. Antara berikut, yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai Kabinet/Jemaah Menteri?
- C2
- A. Diketuai oleh Perdana Menteri.
B. Ahli Jemaah Menteri adalah dilantik oleh Perdana Menteri.
C. Kabinet akan dibubarkan sekiranya Parlimen dibubarkan.
D. Kabinet ialah agensi tertinggi penggubal dasar Negara.

- CLO3
C3 19. Bagaimanakah cara pembentukan masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia?
- A. Imperialisme
B. Kolonialisme
C. Kapitalisme
D. Federalisme
- CLO3
C3 20. Manakah antara berikut pernyataan yang **SALAH** berkaitan dengan penghijrahan masuk kaum Cina dan India ke Tanah Melayu?
- A. Bermotifkan untuk menjalankan aktiviti perdagangan sahaja.
B. Berlaku sejak sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka.
C. Memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi Tanah Melayu.
D. Bertujuan untuk menyebarluaskan agama dan budaya yang menjadi pegangan mereka.
- CLO3
C3 21. Bagaimanakah Sistem Kangani berperanan dalam membentuk masyarakat berbilang kaum di Malaysia?
- A. Pekerja India yang telah bekerja di Tanah Melayu akan pulang ke negara asal dan akan membawa masuk pekerja baru.
B. Pekerja buruh dari negara China akan membawa masuk seramai mungkin pekerja baharu ke Tanah Melayu.
C. Buruh dari India datang ke Tanah Melayu mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.
D. Perpindahan masyarakat Cina secara besar-besaran dari Tanah besar China bertujuan untuk mengusahakan perlombongan bijih timah.
- CLO3
C3 22. Bagaimanakah masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka telah mencapai asimilasi dalam hubungan integrasi nasional ?
- A. Melalui perkahwinan campur antara etnik dan kaum.
B. Melalui percantuman dan penyatuan etnik sehingga membentuk identiti yang sama.
C. Kesediaan menerima unsur kebudayaan dalam kalangan masyarakat yang lain.
D. Mengelakkan cara hidup dan mempertahankan budaya asal masing-masing.

- CLO3
C3 23. Mengapakah pengasingan sistem pendidikan dianggap antara halangan dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka?
- A. Masyarakat Melayu diberi peluang dalam sistem pendidikan beraliran Inggeris menyebabkan masyarakat Cina tidak berpuas hati.
B. Pembinaan sekolah Tamil di kawasan estet dengan pesat menyebabkan masyarakat Melayu terpinggir.
C. Wujud kepelbagaian sekolah mengikut kaum menyebabkan masyarakat di Tanah Melayu terpisah antara satu sama lain.
D. Sistem pendidikan Cina diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu menyebabkan pendidikan sekolah Melayu semakin terpinggir.
- CLO3
C3 24. Apakah usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara bagi memelihara dan mengukuhkan perpaduan rakyat serta integrasi nasional?
- A. Mengisytiharkan Hari Perpaduan pada 16 Ogos setiap tahun.
B. Kempen menggalakkan pengibaran bendera Malaysia pada 16 September setiap tahun.
C. Mengadakan pertandingan mengumpul bahan kitar semula untuk memastikan kebersihan negara terjamin.
D. Mengeluarkan penerbitan bersifat perpaduan seperti muhibbah, kejiran dan lain-lain.
- CLO3
C3 25. Mengapakah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan?
- A. Mengambil alih tugas parlimen buat sementara waktu.
B. Mewujudkan garis panduan bagi kerjasama antara kaum.
C. Membantu kerajaan menggerakkan rakyat ke arah perpaduan.
D. Membuat keselarasan ideologi antara kaum di Tanah Melayu.
- CLO3
C3 26. Kesetiaan kepada raja dan negara merupakan prinsip Rukun Negara yang ke-2. Apakah tujuan prinsip ini diwujudkan?
- A. Memastikan setiap individu dalam negara terjamin kebebasan asasi mereka.
B. Memastikan rakyat Malaysia sentiasa dalam keadaan bersopan dan berhemah.
C. Melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan sanggup berkorban untuk negara.
D. Melahirkan masyarakat Malaysia yang sentiasa berpegang teguh pada kepercayaan masing-masing.

- CLO3 C3 27. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) meneruskan strategi DEB melalui pelaksanaan _____.
i. Pembasmian kemiskinan
ii. Pewujudan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
iii. Meningkatkan pembabitan sektor swasta dalam proses penyusunan masyarakat
iv. Menumpukan kepada pembangunan sumber manusia
A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. i, ii dan iv
D. i, ii, iii dan iv
- CLO3 C3 28. 'Menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi'. Pernyataan ini adalah sebahagian daripada matlamat DEB. Rasional matlamat ini ialah _____.
A. Pengagihan yang tidak sekata dalam bidang ekonomi akan menyebabkan kesukaran dalam perpaduan kaum di negara ini.
B. Pengagihan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum menyukarkan pemerintahan.
C. Perlunya pembangunan yang lebih di bidang ekonomi.
D. Pengenalan kaum tidak boleh berdasarkan kegiatan ekonomi.
- CLO3 C3 29. Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah dirangka mengikut kesesuaian adat dan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Bandingkan dan pilih aspek yang bertentangan dengan pembentukannya yang sebenar.
A. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
B. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima.
C. Unsur-unsur kebudayaan asing yang popular mengikut peredaran zaman.
D. Islam menjadi asas penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.
- CLO3 C3 30. Pilih pernyataan di bawah yang diambil kira di dalam merangka Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional?
A. Teras pembangunan sumber manusia
B. Teras pembangunan ekonomi
C. Teras peranan penubuhan belia
D. Semua di atas

- CLO3
C3 31. Objektif umum Pelan Integriti Nasional adalah bagi memastikan pencapaian Wawasan 2020. Apakah tujuan utama Wawasan 2020?
- A. Memacu negara ke arah negara miskin sifar.
B. Malaysia negara berkebajikan.
C. Negara maju mengikut acuan sendiri.
D. Negara berstatus quo di dalam hub perbankan dunia.
- CLO3
C3 32. Di dalam suasana ekonomi dan politik yang tidak stabil, berikut adalah peranan utama belia di dalam menangani kemelut ini **KECUALI**
- A. Meningkatkan kefahaman belia tentang sistem politik negara.
B. Melaksanakan amanah yang diberikan dengan bertanggungjawab.
C. Memastikan setiap maklumat yang diperolehi adalah dari sumber yang betul.
D. Sumber yang diperolehi haruslah disampaikan kepada penduduk luar bandar.

Soalan 33 adalah berdasarkan pernyataan berikut.

- Persidangan Alam Sekitar di Rio de Jenerio
- Memperjuangkan hak alam sekitar negara-negara membangun

- CLO3
C3 33. Pernyataan di atas merujuk kepada Perdana Menteri berikut _____.
- A. Tun Hussein Onn.
B. Tun Dr Mahathir Mohamad.
C. Tun Abdullah Ahmad Badawi.
D. Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.
- CLO3
C3 34. Antara berikut, yang manakah **BENAR** tentang usaha Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) bagi mewujudkan kestabilan politik dan keselamatan di rantau ini?
- i. Mesyuarat ASEAN + 3
ii. Forum Serantau ASEAN (ARF)
iii. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN
iv. Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ)
- A. i dan ii
B. i dan iii
C. ii dan iv
D. iii dan iv

Soalan 35 adalah berdasarkan gambarajah berikut.

Mengamalkan dasar berkecuali melalui ZOPFAN
yang diisyiharkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur
1971



Menjalankan projek pendidikan dan Urea di Bintulu,
Malaysia dan Projek Perlombongan Potassium di
Thailand




Antara jawatankuasa tetap adalah Jawatankuasa
Kebudayaan dan Penerangan (COCI) dan
Jawatankuasa Kewangan dan Urusan Bank (COFAB)

- CLO3 C3 35. Berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan di atas, ia merujuk kepada pertubuhan antarabangsa yang disertai Malaysia. Apakah pertubuhan tersebut?
- A. OIC
 - B. ASEAN
 - C. NAM
 - D. KOMANWEL
- CLO3 C3 36. Antara berikut, pernyataan yang manakah **BENAR** tentang hubungan Malaysia dan Komanwel?
- A. Memberi penekanan kepada isu pembangunan sosial terutama masalah kemiskinan dalam kalangan negara anggota KOMANWEL.
 - B. Mengatasi masalah dan mengambil langkah pencegahan penyakit berbahaya seperti SARS, demam Denggi dan Malaria.
 - C. Memberi khidmat nasihat kepada negara-negara KOMANWEL yang memerlukan berkaitan dengan pertanian dan pendidikan.
 - D. Mengadakan Persidangan Ketua-ketua KOMANWEL (CHOGM) pada tahun 1998 di Kuala Lumpur.

CLO3 C3 37. Antara berikut, yang manakah **BENAR** tentang pemilihan Malaysia sebagai anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB bagi penggal 2001 – 2003?

- i. Menjadi penasihat diskriminasi terhadap wanita
 - ii. Merupakan perunding strategi yang memberi manfaat kepada hak manusia
 - iii. Memainkan peranan penting mengelakkan perang dunia
 - iv. Menjadi penasihat kewangan Komanwel yang efektif untuk mengatasi kemiskinan
- A. i dan ii
B. i dan iii
C. ii dan iv
D. iii dan iv



CLO3 C3 38. Isu Y di atas ialah_____.

- A. Tuntutan hak ke atas zon ekonomi ekslusif.
- B. Tuntutan hak ke atas Kepulauan Spratly.
- C. Tentangan mengenai pencemaran laut di perairan sekeliling.
- D. Tentangan mengenai pendatang asing di rantau negara ASEAN.

CLO3 C3 39. Antara berikut, yang manakah **BENAR** tentang Dana Musyarakah Universal Persidangan Negara-negara Islam (OIC)?

- i. Menyelesaikan perang antara negara Islam.
 - ii. Menyediakan dana kepada Bank Dunia.
 - iii. Meningkatkan pelaburan dalam instrumen pasaran.
 - iv. Membantu negara Islam yang mundur melaksanakan projek infrastruktur.
- A. i dan ii
B. i dan iii
C. ii dan iv
D. iii dan iv

Soalan 40 adalah berdasarkan pernyataan dibawah.

"Untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berkekerti mulia, mempunyai hemah yang tinggi, berjiwa besar, cintakan negara dan mereka juga mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani"

CLO3
C3

40. Kata-kata di atas diucapkan oleh _____.

- A. Tunku Abdul Rahman
- B. Tun Hussein Onn
- C. Tun Dr Mahathir Mohamad
- D. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi

SOALAN TAMAT

